

Analisis Kandungan Bahan Bacaan untuk Pembelajaran Kemahiran Asas Membaca Bahasa Melayu pada Peringkat Prasekolah

Content Analysis of Reading Materials for Teaching Basic Malay Reading Skills at the Preschool Level

Nur Hidayah Rashidi^{1*}, Nurul Haniza Samsudin², Nur Yuhanis Mohd Nasir³

^{1,2}Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

³Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Malaysia

*Corresponding author: nurhidayah@fbk.upsi.edu.my

Received: 02 December 2024; **Revised:** 16 April 2025; **Accepted:** 20 June 2025; **Published:** 30 June 2025

To cite this article (APA): Rashidi, N. H. ., Samsudin, N. H. ., & Mohd Nasir, N. Y. . (2025). Analisis kandungan bahan bacaan untuk pembelajaran Kemahiran Asas Membaca Bahasa Melayu pada peringkat prasekolah. *PENDETA*, 16(1), 145-160. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.13.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.13.2025>

ABSTRAK

Masalah penguasaan kemahiran asas membaca dalam kalangan murid pada peringkat prasekolah telah memberi kesan kepada peningkatan murid pemulihan di sekolah rendah terutamanya murid tahun satu. Bagi mengatasi masalah ini, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kandungan empat bahan bacaan yang berbentuk buku yang diguna pakai oleh guru untuk pembelajaran kemahiran membaca pada peringkat prasekolah. Bahan bacaan berbentuk buku merupakan antara sumber bahan yang utama kepada guru bagi pembelajaran kemahiran asas membaca bahasa Melayu pada peringkat prasekolah. Namun, tidak semua bahan bacaan yang dihasilkan mempunyai kandungan yang tepat dan sesuai untuk pembelajaran kemahiran asas membaca bahasa Melayu. Data kajian ini diperolehi melalui kaedah analisis kandungan dengan mengadaptasikan Model Analisis Kandungan (Mohammad Rahim Mohammed Abdul Rahman, 2000) yang mempunyai enam elemen, iaitu ketepatan kandungan, kesesuaian dan kejelasan bahasa, reka bentuk ilustrasi, fizikal buku, persembahan dan latihan dan aktiviti. Hasil analisis mendapati terdapat bahan bacaan mempunyai susunan kandungan bahan yang tidak mengikut kurikulum dan mempunyai kesalahan daripada aspek bahasa. Implikasi kajian ini penting untuk guru mengetahui kriteria pemilihan bahan bacaan yang menepati kandungan kurikulum dan aspek penggunaan bahasa yang betul agar dapat membantu murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca yang berkualiti khususnya pada peringkat prasekolah. Kajian-kajian berkaitan bahan bacaan perlulah diperbanyak supaya guru-guru mempunyai pengetahuan dalam memilih bahan bacaan yang bersesuaian dan praktikal bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan berimpak kepada murid. Selain itu, kajian seperti ini juga secara tidak langsung membantu para penulis buku dalam merancang, menyusun dan menghasilkan bahan yang lebih berkualiti dan praktikal bagi pembelajaran kemahiran asas membaca untuk diguna pakai semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Kata kunci: Bahan bacaan; kemahiran asas membaca; analisis kandungan; prasekolah

ABSTRACT

The challenge of mastering basic reading skills among preschool students has contributed to an increased number of Year One students requiring remedial classes. To address this issue, this study examined the content of reading materials, specifically four books used by teachers for teaching reading skills in Malaysian preschools. Books are a primary resource for teaching Malay reading skills at the preschool level; however, not all reading materials available provide accurate and appropriate content for this purpose. This study employs content analysis, guided by the Content Analysis Model (Mohammad Rahim Mohammed Abdul Rahman, 2000), which evaluates six elements: content accuracy, language appropriateness and clarity, illustration design, physical characteristics of

the book, presentation, and exercises or activities. The findings reveal that some reading materials lack proper alignment with the curriculum and contain multiple language errors. The study highlights the importance of equipping teachers with knowledge of selection criteria for reading materials that align with curriculum content and ensure correct language usage. This is crucial for delivering high-quality teaching and learning experiences, particularly in developing reading skills at the preschool level. Further research on reading materials in different aspects are essential to support teachers in selecting suitable and practical resources for effective teaching of reading skills. Additionally, studies like this can assist book authors in planning and producing higher-quality materials tailored to teaching basic reading skills in classroom settings.

Keywords: reading materials; basic reading skills; content analysis; preschools

PENGENALAN

Pendidikan prasekolah merupakan antara tahap penting dalam pembangunan pendidikan negara kita. Hal ini demikian kerana prasekolah telah diberikan perhatian dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) 2013-2025 yang bermatlamat untuk meningkatkan kualiti prasekolah dan pendaftaran murid prasekolah. Pembelajaran kemahiran membaca ialah salah satu kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira) yang perlu didedahkan kepada murid pada peringkat prasekolah sebelum mereka ke sekolah rendah. Namun, berdasarkan laporan eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah melaporkan bahawa tahap penguasaan kemahiran membaca bagi rakyat Malaysia pada kedudukan 54 daripada 74 negara yang terlibat dalam kajian *The World's Most Literate Nation* (Negara Paling Celik Huruf Sejagat).

Tambahan pula, masalah penguasaan membaca dalam kalangan murid sangat membimbangkan di sekolah rendah apabila Kementerian Pendidikan melaporkan secara lisan dalam Dewan Negara pada tahun 2023 bahawa terdapat seramai 269 332 orang murid tidak menguasai kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira) di sekolah rendah. Selain itu, pada tahun 2024 pula Ketua Pengarah Pendidikan Azman Adnan telah melaporkan seramai 108 393 orang murid tidak menguasai kemahiran literasi, iaitu membaca dan menulis di tahun satu daripada jumlah keseluruhan murid seramai 448 113 orang (BERNAMA, 9 September 2024). Perkara ini menunjukkan pada tahun 2024, lebih kurang 24% orang murid daripada jumlah keseluruhan murid tahun satu tidak boleh membaca dan menulis.

Selain itu, terdapat pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam melaksanakan program intervensi kepada murid di sekolah rendah seperti Program Kelas Intervensi Awal (KIA2M, 2006), Program Literasi dan Numerasi Saringan (LINUS, 2010), Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN, 2021), dan Program Intervensi Literasi dan Numerasi (Sesi akademik 2024/2025), manakala bagi pelajar sekolah menengah pula ialah pelaksanaan program seperti Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM). Maka terbukti terdapat pelbagai perancangan telah dilaksanakan oleh pihak KPM dalam menangani masalah kemahiran membaca selama bertahun-tahun. Pelaksanaan program seperti ini membuktikan permasalahan kemahiran membaca bukanlah satu perkara yang baharu tetapi merupakan 'penyakit' yang tidak diberikan pencegahan awal, iaitu pada peringkat prasekolah lagi. Malah, penekanan 3M pada peringkat prasekolah dilihat masih belum berjaya apabila masalah 3M ini berlarutan dari tahun ke tahun.

Kesan jangka masa panjang permasalahan kemahiran membaca yang bermula pada peringkat prasekolah ini telah menyebabkan murid di sekolah rendah dan pelajar di sekolah menengah menghadapi masalah membaca. Oleh itu, kajian ini sangat menepati permasalahan kemahiran membaca, iaitu dengan meneliti bahan bacaan yang diguna pakai oleh guru pada peringkat prasekolah sama ada bahan menepati kandungan yang tepat atau sesuai dengan keperluan murid. Tambahan pula, kajian oleh Roslin Francis dan Adenan Ayob (2019) mendapati masih lagi ketiadaan bahan bacaan sama ada buku atau modul khusus disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pembelajaran kemahiran membaca kecuali hanya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) sebagai rujukan kepada guru. Oleh sebab masalah ketiadaan modul khusus ini menyebabkan kebanyakan bahan bacaan yang diperoleh bergantung daripada pasaran sedia ada. Hal ini menyebabkan guru mempunyai masalah terhadap penggunaan bahan bacaan yang digunakan kerana bahan yang diguna pakai tidak diketahui sama ada berkualiti atau tidak.

Guru prasekolah didapati tiada bahan modul yang standard oleh pihak KPM (Adenan Ayob, 2018; Mizan Kamalina Assin, 2013). Pandangan ini disokong oleh Arulmozhi Narayanasamy dan Anis Norma Mohamad Jaafar (2024) juga menyatakan ketiadaan modul membaca yang komprehensif menyebabkan halangan kepada kemajuan dan perkembangan murid. Hal ini juga berpunca daripada kekurangan kajian berkaitan analisis kandungan bahan bacaan yang dapat membantu penulis dan pembangun modul membaca dalam menghasilkan bahan yang lengkap untuk pembelajaran kemahiran asas membaca bahasa Melayu pada peringkat prasekolah. Malahan, guru juga tiada panduan dan rujukan untuk mengetahui bahawa kandungan bahan bacaan yang dipilih sama ada menepati atau memenuhi keperluan murid dalam pembelajaran kemahiran asas membaca di dalam kelas. Oleh hal demikian, guru menghadapi masalah dalam memastikan keberkesanan bahan bacaan yang digunakan. Keberkesanan bahan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran pula akan mempengaruhi kepada hasil pembelajaran murid di dalam kelas. Oleh itu, terdapat keperluan menganalisis bahan bacaan dengan mendalam bagi mengetahui ciri-ciri bahan yang lengkap dan efektif dalam pembelajaran kemahiran asas membaca khususnya sebelum mereka belajar pada peringkat sekolah rendah dan menengah.

Sorotan Kajian

Habibah @ Artini Ramlie et al. (2020) telah meneroka kandungan Kemahiran Bahasa Melayu dalam kurikulum prasekolah di Malaysia dengan melihat kepada empat kemahiran, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Hasil kajian menunjukkan Dokumen Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (DSPK) menepati keperluan kurikulum pada peringkat pendidikan prasekolah bagi aspek kemahiran bahasa. Namun, guru-guru hanya mempunyai panduan rujukan berkaitan kurikulum semata-mata masih belum mencukupi jika guru tiada rujukan seperti bahan bacaan untuk mengajar kemahiran asas membaca. Maklumat daripada kurikulum masih belum terperinci untuk guru menggunakan sebagai bahan pembelajaran. Oleh itu, kajian yang memfokuskan kepada bahan pembelajaran kemahiran asas membaca perlu dilaksanakan agar guru mendapat panduan terperinci berkaitan penggunaan bahan yang bersesuaian.

Ayunda Sayyidatul Ifadah dan Umi Masturoh (2024) menganalisis buku bacaan membaca secara lantang mendapati terdapat beberapa ciri-ciri buku yang menarik perhatian murid, iaitu reka bentuk buku menarik dari segi warna, gambar watak yang dipilih, tidak terlalu banyak tulisan serta saiz tulisan yang sesuai, manakala fizikal buku juga kukuh dan selamat (sisi buku tumpul). Selain itu, buku yang dipilih mempunyai kandungan ilmu dan nilai murid dalam membantu perkembangan mental murid. Hal ini menunjukkan bahan yang dihasilkan menitikberatkan kepada beberapa ciri seperti reka bentuk grafik, persembahan, fizikal dan kandungan bahan yang digunakan. Namun, kajian ini merupakan kajian yang dilaksanakan di negara Indonesia tetapi kajian bahan seperti ini masih kurang di Malaysia. Kajian oleh Habibah @ Artini Ramlie et al. (2020), lebih menumpukan kepada analisis kandungan kemahiran bahasa Melayu dalam kurikulum prasekolah di Malaysia. Kajian tersebut bertujuan untuk menganalisis dokumen sama ada memenuhi keperluan kurikulum prasekolah dalam memastikan murid mendapat keberkesanan dalam kemahiran bahasa.

Kajian terhadap analisis bahan pembelajaran kemahiran asas membaca bahasa Melayu masih kurang dijalankan terutama bahan yang berbentuk buku. Pandangan ini disokong oleh Mahzan Arshad dan Chee (2018) yang menyatakan terdapat penurunan kajian berkaitan dengan pembangunan modul asas membaca bahasa Melayu untuk murid prasekolah. Kebanyakan kajian-kajian berkaitan bahan bacaan yang menjurus kepada keberkesanan penggunaan bahan yang dibangunkan oleh pengkaji. Antaranya, kajian Haiza Hayati Baharudin dan Abdul Halim Masnan (2022) membuktikan bahawa bahan bacaan menggunakan aplikasi android dan papan putih interaktif telah memudahkan murid belajar dengan dibantu ciri-ciri bahan seperti visual-ruang, muzik, kinestetik dan interpersonal.

Selain itu, Tang (2022) menjalankan kajian dengan membangunkan modul fonik Bahasa Melayu yang menumpukan kepada kemahiran membaca, sebutan dan pemahaman dengan berfokus kepada bacaan suku kata terbuka, suku kata tertutup, frasa dan ayat. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan didapati kandungan dan kaedah yang digunakan berkesan kepada 50 orang murid prasekolah yang dipilih, iaitu peningkatan sebanyak 81% ujian pasca berbanding hanya 17% sahaja semasa ujian pra dijalankan. Oleh itu, susunan dan kandungan bahan dilihat salah satu aspek penting dalam menghasilkan sebuah modul atau bahan bacaan yang efektif. Namun, kebanyakan guru yang

mengajar peringkat prasekolah lebih banyak menggunakan bahan bacaan yang berbentuk buku yang boleh didapati di pasaran. Perkara ini bersamaan dengan pandangan oleh Roslin Francis dan Adenan Ayob (2019), iaitu guru merujuk bahan pengajaran dan pembelajaran membaca daripada pasaran akibat ketiadaan modul khusus oleh pihak KPM.

Maka menjadi kebimbangan ialah guru tidak mengetahui sama ada bahan bacaan yang digunakan menepati kandungan kurikulum atau penggunaan bahan yang sesuai kerana proses penghasilan bahan bacaan di pasaran tidak melalui kajian empirikal seperti kajian pembangunan modul yang dihasilkan oleh ahli akademik atau pengkaji dalam bidang literasi khususnya kemahiran membaca. Selain itu, kajian terhadap kandungan bahan bacaan kurang mendapat tumpuan oleh para pengkaji kerana kebanyakan kajian menjurus kepada kajian pembangunan bahan bacaan (Abdul Rasid Jamian et al., 2012; Tuzana Mohamad, 2014; Aliza Ali & Zamri Mahamod, 2016; Hanifah Sabin et al., 2019, Norlela Ahmad & Shamsudin Othman, 2020; Yulianeta et al., 2020; & Thang Yin Fong, 2022).

Kebanyakan pengkaji lebih menumpukan kajian pembangunan bahan yang dihasilkan berbanding meneliti bahan bacaan sedia ada yang telah digunakan oleh guru semasa pembelajaran kemahiran asas membaca di dalam kelas. Maka hal ini menunjukkan kajian terhadap kandungan bahan bacaan kurang mendapat perhatian oleh pengkaji sebelum ini kerana lebih menumpukan kepada bahan berbentuk multimedia, digital, aplikasi mudah alih, dan lain-lain, yakni bukanlah bahan bacaan berbentuk buku yang merupakan antara bahan utama kepada guru semasa mengajar membaca di dalam kelas. Oleh itu, penting bagi pengkaji meneliti kandungan bahan bacaan khususnya berbentuk buku supaya bahan yang digunakan mempunyai impak kepada murid apabila digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, kajian buku teks merupakan antara kajian yang mempunyai persamaan dengan kajian ini. Hal ini demikian kerana berdasarkan fungsi bahan yang dimanifestasi daripada kurikulum dan rujukan utama berbentuk buku semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Maka, kajian ini merujuk kepada beberapa kajian analisis kandungan buku teks bagi mengetahui elemen yang sesuai digunakan bagi menganalisis bahan pembelajaran yang berbentuk buku. Antaranya kajian oleh Marmi Mariana Zakaria dan Dahlia Janan (2022) menunjukkan elemen ilustrasi telah mempengaruhi minat pelajar untuk menggunakan buku teks dalam pembelajaran. Kajian dijalankan kepada 50 orang pelajar tingkatan melalui soal selidik dan 30 orang guru bahasa Melayu menggunakan protokol temu bual. Hasil kajian melaporkan penggunaan buku teks bahasa Melayu memuaskan bagi guru sebanyak 63.4 peratus, manakala sebanyak 58 peratus orang pelajar setuju bahawa penggunaan buku teks dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kajian yang dilakukan mendapati bahawa sebanyak 90 peratus guru dan pelajar bersetuju berkenaan ciri-ciri, jenis-jenis dan fungsi-fungsi ilustrasi yang digunakan menjadi faktor pendorong untuk menggunakan buku teks.

Nurul Mardhati dan Roslinda Rosli (2023) pula telah menggunakan kaedah analisis data anekdot sebagai teknik analisis data. Kajian ini mendapati penggunaan ilustrasi penjelasan gambar rajah kerap digunakan dalam buku teks bagi topik Ruang untuk mata pelajaran matematik. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan kandungan soalan aras sederhana dan penggunaan bahasa yang sesuai untuk memudahkan pelajar fahami pembelajaran telah diaplikasikan dalam penulisan buku teks. Namun, kekurangan didapati dari aspek latihan dan aktiviti, yakni buku teks hanya menggunakan soalan aras sederhana tanpa soalan sukar. Berdasarkan kajian ini didapati bahawa kandungan, reka bentuk ilustrasi, kesesuaian bahasa serta latihan dan aktiviti merupakan faktor yang mendorong kepada kualiti kepada sesebuah buku teks jika elemen tersebut dijadikan sebagai panduan dalam penghasilan bahan rujukan.

Selain itu, Nur Afiah Azhar dan Roslinda Rosli (2021) mendapati bahawa kandungan konsep matematik yang menarik dan tersusun dalam buku teks dapat menanam minat murid serta merangsang minda mereka. Susunan buku yang sistematik mengikut keupayaan kognitif murid membantu guru dalam merancang pengajaran yang lebih efektif. Persembahan kandungan simbolik juga meningkatkan pemahaman murid terhadap konsep penyelesaian masalah. Kajian ini menekankan bahawa buku teks perlu selaras dengan perkembangan kognitif pelajar, menggunakan persembahan yang menarik, serta menyediakan latihan dan aktiviti bagi meningkatkan kefahaman. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa berdasarkan kajian-kajian analisis terhadap kandungan buku teks kebanyakannya melihat kepada ciri-ciri asas penulisan buku teks seperti kandungan, bahasa dan istilah; persembahan bahan; aktiviti dan latihan serta bahan grafik sebagai elemen dalam penilaian bahan (Bahagian Buku Teks KPM, 2002).

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan hala tuju yang digunakan dalam mendapatkan dan menganalisis data kajian. Menurut Creswell (2009), reka bentuk merupakan cadangan dalam melaksanakan kajian yang meliputi interaksi antara falsafah, strategi dan kaedah dalam penyelidikan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Kajian ini adalah dengan menganalisis kandungan bahan bacaan. Kaedah analisis kandungan ialah satu proses kajian untuk merumuskan dan melaporkan data secara bertulis (Cohen, Manion & Morrison, 2007). Selain itu, Zaharah Hussin (2008) menyatakan bahawa kaedah ini berkaitan penulisan teks.

Persampelan

Persampelan dalam kajian ini menggunakan prosedur persampelan bertujuan, iaitu bahan bacaan yang diguna pakai oleh guru-guru dalam pembelajaran kemahiran asas membaca kepada murid prasekolah yang berumur empat hingga enam tahun. Bahan yang dipilih juga merupakan bahan bacaan yang boleh diperoleh di pasaran sedia ada dan digunakan oleh guru untuk pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Sampel ini juga diambil daripada empat bahan bacaan yang diguna pakai di sekolah seperti tadika KEMAS, tadika swasta dan prasekolah.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini dibangunkan sendiri oleh pengkaji dengan mengadaptasi daripada Model Analisis Kandungan oleh Mohammad Rahim Mohammed Abdul Rahman (2000). Terdapat enam elemen yang dilihat dalam model ini dan dimasukkan dalam instrumen kajian. Borang soal selidik merupakan instrumen yang digunakan dalam kajian ini bagi mencapai objektif kajian, iaitu menganalisis kandungan bahan bacaan yang berbentuk buku yang diguna pakai oleh guru untuk pembelajaran kemahiran membaca pada peringkat prasekolah. Borang selidik tersebut ialah Borang Soal Selidik Analisis Kandungan Bahan Bacaan. Borang ini mempunyai enam bahagian, iaitu (A) ketepatan kandungan, (B) kesesuaian dan kejelasan bahasa, (C) reka bentuk ilustrasi, (D) fizikal buku, (E) persembahan dan (F) latihan dan aktiviti. Soalan-soalan dalam instrumen kajian yang dibina adalah dengan berdasarkan objektif dan persoalan kajian serta model yang telah dipilih. Kesemua soalan dalam borang ini telah disahkan kandungan dan bahasanya oleh pakar terlebih dahulu sebelum digunakan untuk menganalisis bahan bacaan.

Prosedur Pengumpulan Data

Kajian ini telah memilih beberapa bahan bacaan yang digunakan oleh guru-guru di tadika swasta, prasekolah dan tadika KEMAS. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara analisis dokumen. Instrumen kajian, iaitu Borang Soal Selidik Analisis Kandungan Bahan Bacaan digunakan bagi menganalisis bahan bacaan yang telah dipilih. Langkah pertama pengkaji membaca kandungan bahan bacaan yang telah ditetapkan dengan merujuk kepada borang soal selidik analisis yang berkaitan. Kedua, pengkaji melaksanakan analisis dan membuat penandaan pengkategorian yang terlibat dan mencatat maklumat tambah sekiranya ada.

Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif (penghuraian dan pemerihalan) yang menjelaskan tema atau pola yang diperoleh daripada analisis dokumen yang dilakukan. Selain itu, pandangan oleh Cohen, Manion dan Morrison (2007) menyatakan bahawa analisis kandungan boleh melalui beberapa peringkat seperti perkataan, frasa, ayat, perenggan, keseluruhan teks dan tema. Analisis data ini melihat makna kepada nilai data yang diperoleh dengan mengumpul jawapan tertutup sama ada 'Ya' (✓) atau 'Tidak' (X) dan catatan tambahan bagi mencatat penjelasan lanjut berkaitan

jawapan yang dipilih. Hasil analisis daripada jawapan yang diperoleh dikaitkan dengan tema penting dalam kandungan bahan bacaan.

Model Analisis Kandungan (Mohammad Rahim Mohammed Abdul Rahman, 2000)

Kajian ini menggunakan model analisis kandungan sebagai panduan dalam menganalisis bahan bacaan pembelajaran kemahiran asas membaca. Model analisis kandungan mempunyai enam elemen utama seperti yang berikut:

i) Ketepatan Kandungan

Antara elemen dalam Model Analisis Kandungan (2000) ialah ketepatan kandungan. Oleh itu, bagi elemen ketepatan kandungan dalam kajian ini merujuk kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). KSPK merupakan salah satu rujukan utama kepada guru-guru dalam merancang kandungan pengajaran dan pembelajaran pada peringkat prasekolah. Perincian yang terkandung dalam KSPK meliputi standard kandungan, standard pembelajaran dan standard pentaksiran mengikut enam tunjang seperti Tunjang Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Perkembangan Fizikal dan Estetika; Sains dan Teknologi; dan Keterampilan Diri. Kandungan berkaitan dengan kemahiran asas membaca merupakan kandungan di bawah Tunjang Komunikasi yang melibatkan subjek bahasa Melayu pada bahagian Kemahiran Membaca. Pada BM 2.0 Kemahiran Membaca ini mempunyai enam bahagian utama seperti yang berikut:

- i. BM 2.1 Menguasai kemahiran prabaca
- ii. BM 2.2 Mengenal huruf abjad
- iii. BM 2.3 Membina dan membaca suku kata dan perkataan
- iv. BM 2.4 Membaca dan memahami frasa dan ayat
- v. BM 2.5 Membaca dan memahami bahan bacaan
- vi. BM 2.6 Memupuk bacaan luas

Kajian ini memfokuskan kepada BM 2.3 membina dan membaca suku kata dan perkataan dan bagi BM 2.4 membaca frasa dan ayat tetapi tidak kepada memahami frasa dan ayat. Hal ini demikian kerana kajian ini menumpukan kepada kemahiran asas membaca bahasa Melayu yang lebih kepada murid dapat membunyikan suku kata, membaca perkataan, frasa dan ayat mudah tetapi tidak kepada peringkat memahami frasa dan ayat kerana peringkat tersebut merupakan peringkat tinggi dalam konsep membaca. Jadual 1 menunjukkan standard kandungan dan standard pembelajaran bagi kemahiran membaca dalam KSPK bahagian kemahiran membaca.

Jadual 1 Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran dalam KSPK bagi Kemahiran Membaca

STANDARD KANDUNGAN		STANDARD PEMBELAJARAN	
		4+	5+
BM 2.3	Membina dan membaca suku kata dan perkataan	Murid boleh: BM 2.3.1 Membunyikan suku kata terbuka BM 2.3.2 Membunyikan suku kata tertutup	Murid boleh: BM 2.3.3 Membaca perkataan dengan suku kata terbuka: (i) KV+KV (ii) KV+ KV+KV BM 2.3.4 Membaca perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup: (i) KVK (ii) V+KV (iii) V+KVK (iv) KV+KVK (v) KVK+KV (vi) KVK+KVK
BM 2.4	Membaca dan memahami frasa dan ayat	Murid boleh: BM 2.4.1 Membaca frasa yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka BM 2.4.2 Membaca ayat mudah yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka	Murid boleh: BM 2.4.3 Membaca dan memahami frasa yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup BM 2.4.4 Membaca dan memahami ayat mudah dengan sebutan yang betul

Berdasarkan KSPK didapati standard pembelajaran bagi umur 4+ tahun dan 5+ tahun mengikut tahap bacaan adalah seperti pada jadual 2.

Jadual 2 Susunan Tahap Bacaan Mengikut KSPK

Tahap bacaan	Umur 4+	Tahap bacaan	Umur 5+
Suku kata	Membunyikan suku kata terbuka	Perkataan	Membaca perkataan dengan suku kata terbuka.
Suku kata	Membunyikan suku kata tertutup	Perkataan	Membaca perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup.
Frasa	Membaca frasa mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka.	Frasa	Membaca frasa mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup.
Ayat mudah	Membaca ayat mudah mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka.	Ayat mudah	Membaca ayat mudah dengan sebutan yang betul.

Penelitian yang dilakukan pada jadual 2 menunjukkan murid empat tahun mempelajari suku kata, seterusnya mempelajari frasa mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka. Seharusnya, selepas mempelajari suku kata terbuka diikuti belajar perkataan dengan suku kata terbuka barulah mempelajari frasa mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar penambahbaikan susunan tahap bacaan mengikut umur diperbaiki dalam KSPK seperti pada jadual 3 yang berikut:

Jadual 3 Cadangan Penambahbaikan Susunan Tahap Bacaan dalam KSPK

Tahap Bacaan	Umur 4+	Umur 5+
Suku Kata (S)	Membunyikan suku kata terbuka. (S1)	Membunyikan suku kata tertutup. (S2)
Perkataan (P)	Membaca perkataan dengan suku kata terbuka. (P1)	Membaca perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup. (P2)
Frasa (F)	Membaca frasa mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka. (F1)	Membaca frasa mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup. (F2)
Ayat Mudah (A)	Membaca ayat mudah mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka. (A1)	Membaca ayat mudah mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup. (A2)

Berdasarkan cadangan penambahbaikan dalam KSPK pada jadual 3 menunjukkan kemahiran asas membaca bahasa Melayu mempunyai empat tahap bacaan, iaitu suku kata, perkataan, frasa dan ayat mudah yang dibahagikan kepada dua jenis suku kata pula, iaitu suku kata terbuka (konsonan vokal) dan suku kata tertutup (konsonan vokal konsonan). Murid 4+ tahun mempelajari suku kata terbuka, manakala murid 5+ tahun pula mempelajari suku kata tertutup. Susunan ini menunjukkan murid mempelajari pembelajaran dengan konsep mudah ke sukar, iaitu suku kata terbuka dahulu baru diikuti dengan suku kata tertutup. Pembelajaran mengikut tahap ini membantu murid membaca dengan lebih mudah kerana bacaan yang diajar mengikut kemampuan murid berdasarkan tahap perkembangan mereka berdasarkan umur.

ii) Kesesuaian dan Kejelasan Bahasa

Elemen kesesuaian dan kejelasan bahasa pula melihat kepada penggunaan bahasa dari aspek suku kata, perkataan dan ayat mudah mengikut kamus Tatabahasa Dewan (Edisi ke-4). Penggunaan bahasa khususnya perkataan dan ayat dalam bahan bacaan bagi pembelajaran kemahiran asas membaca perlu mematuhi penggunaan bahasa yang betul dan sesuai dengan kemampuan dan keperluan murid pada peringkat prasekolah. Penggunaan bahasa yang tidak betul akan menyebabkan murid akan menggunakan bahasa tersebut sehingga ke peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, manakala penggunaan perkataan kurang sesuai menyebabkan murid terdedah dengan bahan bacaan tidak berkualiti yang boleh mempengaruhi tingkah laku murid apabila perkataan yang tidak sesuai seperti perkataan gila, bodoh dan hantu diketengahkan kepada mereka yang masih belum mencapai kematangan dalam mempertimbangkan sama ada perkara yang betul atau salah.

Salah satu aspek yang perlu diambil berat dalam elemen kesesuaian dan kejelasan bahasa ialah bahan bacaan yang dibangunkan mempunyai garis panduan pemilihan bahasa daripada aspek perkataan dan ayat yakni mematuhi tatabahasa Bahasa Melayu dengan mengikut keperluan dan kemampuan murid yang berumur empat tahun sehingga enam tahun pada peringkat prasekolah. Kajian ini telah merujuk kamus Dewan Tatabahasa Bahasa Melayu bagi memastikan penggunaan ejaan, perkataan dan ayat mudah digunakan tepat, betul dan sesuai dalam bahan bacaan yang dianalisis. Berdasarkan Tatabahasa Bahasa Melayu terdapat empat pola ayat dalam bahasa Melayu seperti dalam jadual 4.

Jadual 4: Pola-pola Ayat dalam Bahasa Melayu

Pola Ayat	Subjek	Predikat
1	Frasa Nama (FN)	Frasa Nama (FN)
2	Frasa Nama (FN)	Frasa Kerja (FK)
3	Frasa Nama (FN)	Frasa Adjektif (FA)
4	Frasa Nama (FN)	Frasa Sendi Nama (FS)

Bahan bacaan bagi pembelajaran kemahiran asas membaca sebaiknya mengikut empat pola ayat dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana murid dapat diberikan pendedahan awal tentang kepelbagaian pola ayat. Murid tidak hanya didedahkan satu jenis pola sahaja tetapi membantu murid membaca ayat yang lebih bervariasi. Pengaplikasian empat pola juga secara tidak langsung juga mempelbagaikan kosa kata

atau perkataan kepada murid semasa belajar membaca. Namun, ayat yang digunakan dalam bahan bacaan ini seharusnya merupakan ayat mudah dan bukanlah ayat kompleks yang tidak sesuai kepada murid yang baru belajar membaca. Hal ini juga bertepatan dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang ingin murid boleh membaca ayat mudah.

(iii) Reka Bentuk Ilustrasi

Elemen reka bentuk antara elemen yang perlu mengikut perkembangan sistem pendidikan negara seperti pandangan Hamed Mohd Adnan (2007) yang menyatakan keperluan untuk penilaian semula terhadap reka bentuk buku teks dengan mengaplikasikan inovasi dan kreativiti seiring dengan globalisasi dan merentasi masa berdasarkan keperluan masyarakat khususnya yang berbeza latar budaya. Reka bentuk yang dihasilkan seharusnya mempunyai reka bentuk yang dapat menyampaikan maklumat lebih berkualiti dan mempunyai nilai kreativiti yang dapat menarik minat pelajar untuk menggunakan buku tersebut. Namun, pembelajaran kemahiran membaca sebaiknya menumpukan kepada kandungan bahasa, iaitu suku kata, perkataan dan ayat mudah. Oleh itu, penggunaan reka bentuk yang dihasilkan sebaiknya berkaitan dengan kandungan bahan yang berkaitan bagi memastikan impak penghasilan grafik tersebut berjaya dicapai berdasarkan objektif pembelajaran.

Selain itu, ilustrasi mempunyai peranan dalam bahan pembelajaran sebagai penambahan maklumat yang lebih mendalam seperti foto, grafik, peta, rajah dan sebagainya. Malahan, ilustrasi dapat membantu dalam kefahaman dan ingatan memori pembelajaran kepada murid (Aisah Noh & Roslinda Rosli, 2020). Pembelajaran asas membaca bahasa Melayu memerlukan murid untuk fokus kepada membaca suku kata, perkataan, frasa dan ayat mudah dan memerlukan murid mengingat sebutan bacaan agar dapat membaca dengan baik. Oleh itu, ilustrasi yang diperlukan dalam bahan bacaan membaca sewajarnya membantu murid dapat mengingat dan menyebut suku kata dan perkataan yang dipelajari. Terdapat tiga jenis ilustrasi dalam kajian analisis oleh Nurul Mardhati Salahuddin dan Roslinda Rosli (2023), iaitu ilustrasi hiasan, ilustrasi penjelasan dan ilustrasi rangsangan. Tiga jenis ilustrasi ini berdasarkan fungsi ilustrasi dalam buku teks yang digunakan kepada murid. Jenis ilustrasi serta penjelasan dalam kajian ini adalah seperti dalam jadual 5.

Jadual 5 Jenis Ilustrasi serta Penjelasan

Jenis Ilustrasi	Penjelasan
Ilustrasi Hiasan (IH)	Ilustrasi yang digunakan bagi menceriakan halaman buku bacaan tanpa berkait dengan kandungan bahan bacaan.
Ilustrasi Penjelasan Visual (IPV)	Ilustrasi yang digunakan bagi menjelaskan pengetahuan tentang kandungan bahan bacaan yang dikaitkan dengan benda maujud.
Ilustrasi Rangsangan (IR)	Ilustrasi yang digunakan bagi mencetuskan pemikiran ingin tahu atau berbentuk soalan atau arahan semasa belajar membaca.

(iv) Fizikal Buku

Fizikal buku memainkan peranan penting dalam pembelajaran. Hal ini boleh dikaitkan dengan beberapa faktor seperti kemudahan memegang, saiz teks dan grafik yang digunakan dalam sesebuah buku. Terdapat buku dalam bentuk *potrait* dan *landscape*. Saiz buku sebaiknya dapat memenuhi keperluan murid untuk menggunakannya. Kesesuaian saiz buku dapat membantu murid menggunakan bahan dengan lebih praktikal dan berkesan. Saiz buku jika terlalu kecil menyebabkan murid sukar untuk membaca teks yang terkandung dalamnya, manakala sekiranya terlalu besar menyebabkan murid sukar memegang kerana saiz lebih besar daripada tangan mereka untuk memegang.

Walau bagaimanapun, pembelajaran kemahiran asas membaca biasanya dijalankan dengan guru meletakkan buku di atas meja dan murid tidak memegang buku tersebut secara langsung semasa sesi pembelajaran. Selain itu, saiz buku juga boleh dilihat berdasarkan aktiviti yang dilaksanakan dalam buku. Buku hanya untuk pembelajaran membaca sahaja tidak memerlukan ruang teks yang besar tetapi jika buku yang mempunyai aktiviti menulis sebagai latihan pengukuhan memerlukan ruang lebih besar.

Oleh itu, saiz buku juga bergantung dengan kandungan bahan yang dipaparkan dalam sebuah buku. Kandungan yang pelbagai yang memerlukan ruang akan mempengaruhi saiz fizikal buku secara tidak langsung.

(v) Persembahan

Persembahan sebuah buku atau bahan bacaan bergantung kepada konsep yang mahu digunakan dalam paparan buku. Persembahan buku mestilah dapat menarik minat pembaca untuk menggunakan buku tersebut. Persembahan buku pembelajaran sebaiknya tidak dipadatkan dengan maklumat atau bahan kandungan kerana proses pembelajaran murid mempunyai pelbagai tahap. Tahap mudah ke sukar menjadikan bahan pembelajaran lebih efektif. Oleh itu, buku yang digunakan dalam pembelajaran memerlukan persembahan yang dapat menepati keperluan murid semasa menggunakannya. Antara ciri-ciri yang mempengaruhi persembahan buku ialah susun atur teks (kandungan bahan), saiz teks, jenis teks, warna teks dan warna grafik. Sebuah buku yang berkualiti mempunyai persembahan buku yang sesuai mengikut keperluan pengguna buku seperti dalam kajian ini sesuai kepada murid pada tahap prasekolah.

(vi) Latihan dan Aktiviti

Latihan dan aktiviti dalam buku merupakan salah satu berfungsi untuk membantu guru menilai hasil pembelajaran yang dilaksanakan dan mengetahui kemajuan murid (Hoven & Garelick, 2007). Oleh itu, pemilihan latihan dan aktiviti perlu bersesuaian dengan kandungan bahan dan objektif pembelajaran yang ingin dicapai. Selain itu, latihan dan aktiviti yang dipilih juga mestilah mengikut aras kemahiran dan perkembangan murid agar boleh dicapai dan secara tidak langsung memberi pengukuhan kepada murid untuk menguasai pembelajaran. Sejajar dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia, pembelajaran abad ke-21 seperti pembelajaran berpusatkan murid antara elemen aktiviti yang sesuai dilaksanakan dalam pembelajaran kemahiran asas membaca bahasa Melayu.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian ini menunjukkan keenam-enam elemen yang dianalisis didapati diaplikasikan dalam bahan bacaan yang dipilih. Walau bagaimanapun, perincian dalam enam elemen menunjukkan ada ciri yang tiada dalam bahan bacaan yang dikaji. Hal ini menunjukkan dapatan bahan bacaan mempunyai ciri-ciri tertentu. Antara yang tiada dalam bahan bacaan yang dikaji ialah elemen (C) Reka Bentuk Ilustrasi berkaitan dengan ilustrasi rangsangan dan elemen (D) Fizikal Buku berkaitan dengan bahan berbentuk *landscape*. Kedua-dua elemen ini tiada dalam bahan bacaan yang dikaji kerana pertama banyak bahan bacaan tidak mempunyai soalan atau arahan untuk merangsang pembelajaran murid, manakala yang kedua pula bahan bacaan kebanyakan lebih sesuai berbentuk *potrait* berbanding dengan bahan berbentuk *landscape*. Dapatan kajian menunjukkan elemen yang ada dalam bahan bacaan menunjukkan kesesuaian bahan bacaan tersebut kepada keperluan murid dalam pembelajaran kemahiran asas membaca.

Oleh itu, dapatan kajian secara menyeluruh seperti dalam jadual 6, iaitu borang soal selidik analisis kandungan bahan bacaan bagi kemahiran asas membaca bahasa Melayu pada peringkat prasekolah. Berdasarkan jadual 6 menunjukkan bahawa terdapat enam bahagian dalam bahan bacaan pembelajaran asas membaca bahasa Melayu, iaitu (A) ketepatan kandungan, (B) kesesuaian dan kejelasan bahasa, (C) reka bentuk ilustrasi, (D) fizikal buku, (E) persembahan dan (F) latihan dan aktiviti. Jadual 6 singkatan BB ialah Bahan Bacaan. Pembahagian elemen dalam borang soal selidik seperti yang berikut:

- A. Ketepatan Kandungan (A1-A8)
- B. Kesesuaian Bahasa (B1-B3)
- C. Reka Bentuk Ilustrasi (C1-C3)
- D. Fizikal Buku (D1-D3)

- E. Persembahan (E1-E5)
- F. Latihan dan Aktiviti (F1-F3)

Jadual 6 Borang Soal Selidik Analisis Kandungan Bahan Bacaan (BB)

Bil.	Perkara	BB1	BB2	BB3	BB4
A. Ketepatan Kandungan					
A1	Suku kata terbuka.	/	/	/	/
A2	Perkataan dengan suku kata terbuka.	/	/	/	/
A3	Frasa yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka.	/	/	/	/
A4	Ayat mudah yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka.	/	/	/	/
A5	Suku kata tertutup.	/	/	/	/
A6	Perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup.	/	/	/	/
A7	Frasa yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup.	/	/	/	/
A8	Ayat mudah yang mengandungi perkataan dengan suku kata terbuka dan tertutup.	/	/	/	/
B. Kesesuaian Bahasa					
B1	Penggunaan kosa kata yang betul.	/	X	X	X
B2	Penggunaan kosa kata yang sesuai.	X	X	X	/
B3	Penggunaan ayat mudah yang betul.	/	X	/	/
C. Reka Bentuk Ilustrasi					
C1	Ilustrasi Hiasan (IH).	/	X	/	/
C2	Ilustrasi Penjelasan Visual (IPV).	/	/	/	X
C3	Ilustrasi Rangsangan (IR).	X	X	X	X
D. Fizikal Buku					
D1	Saiz buku (cm)	21.5 x 14.00	26.0 x 18.5	21.0 x 29.7	21.0 x 29.7
D2	Bentuk buku <i>potrait</i> .	/	/	/	/
D3	Bentuk buku <i>landscape</i> .	X	X	X	X
E. Persembahan					
E1	Susun atur teks: (Suku kata, perkataan, frasa dan ayat).	/	/	/	/
E2	Saiz teks yang sesuai.	/	/	X	/
E3	Jenis teks yang sesuai.	/	/	/	/
E4	Warna teks yang sesuai.	/	/	/	/
E5	Warna grafik yang sesuai.	/	X	/	/
F. Latihan dan aktiviti					
F1	Mengikut aras kemahiran murid.	X	/	/	/
F2	Sebagai pengukuhan.	X	/	/	/
F3	Berpusatkan murid.	X	/	/	/

A) Ketepatan Kandungan

Ketepatan kandungan bahan dalam BB1, BB2, BB3 dan BB4 menunjukkan semua bahan menepati kandungan KSPK yang bermula dengan suku kata, perkataan, frasa dan ayat tetapi terdapat juga bahan yang bermula dengan mengenali nama huruf atau bunyi huruf terlebih dahulu sebelum memperkenalkan suku kata. Perkara ini bergantung kepada jenis kaedah membaca yang diaplikasikan dalam bahan sama ada kaedah mengeja, kaedah fonik atau kaedah suku kata. Kaedah mengeja akan memperkenalkan nama huruf terlebih dahulu, manakala kaedah fonik akan memperkenalkan bunyi huruf terlebih dahulu sebelum diperkenalkan gabung bunyi huruf (suku kata). Hasil analisis bahagian ketepatan kandungan terdapat perbezaan antara susunan bahan mengikut kaedah membaca yang diaplikasikan dalam bahan seperti dalam jadual 7 yang berikut:

Jadual 7 Susunan Bahan Mengikut Kaedah Membaca

Kaedah Membaca	Susunan Bahan
Mengeja	Nama huruf – Suku Kata – Perkataan – Ayat mudah
Fonik	Bunyi huruf – Suku Kata – Perkataan – Ayat mudah
Suku Kata	Suku Kata – Perkataan – Ayat mudah

Selain itu, terdapat beberapa bahan bacaan yang mempunyai keciciran kandungan suku kata seperti yang berikut:

- i. Tiada suku kata tertutup konsosnan ‘s’ tetapi ada perkataan emas (BB1).
- ii. Tiada suku kata tertutup seperti ‘dak’, ‘lut’ dan ‘wak’ tetapi ada perkataan ‘bedak’, ‘belut’ dan ‘pelawak’ (BB2).

Jumlah suku kata tertutup yang jumlahnya banyak menyebabkan kandungan suku kata tertutup sering tercicir dalam bahan bacaan. Kesimpulannya, bahan bacaan yang dianalisis mempunyai susunan kandungan seperti yang berikut:

- i. Suku kata terbuka.
- ii. Perkataan dengan suku kata terbuka.
- iii. Frasa dengan suku kata terbuka.
- iv. Ayat dengan suku kata terbuka.
- v. Suku kata tertutup.
- vi. Perkataan dengan suku kata terbuka dan suku kata tertutup.
- vii. Frasa dengan suku kata terbuka dan suku kata tertutup.
- viii. Ayat dengan suku kata terbuka dan suku kata tertutup.

B) Kesesuaian Bahasa

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa penggunaan kosa kata yang tidak tepat seperti yang berikut:

- i. Perkataan ‘mama’ dan ‘papa’ (BB2, BB3 & BB4)
- ii. Perkataan lekiu (BB3)

Hasil dapatan mendapati BB1 menggunakan kosa kata yang betul secara konsisten, manakala BB2, BB3 dan BB4 menunjukkan kelemahan dengan pemilihan kosa kata yang kurang sesuai. Dapatan kajian ini juga menunjukkan dalam bahan bacaan yang dianalisis kekerapan penggunaan perkataan yang kurang tepat seperti perkataan ‘mama’ dan ‘papa’ yang melibatkan tiga bahan daripada empat bahan. Hal ini tidak menepati penggunaan bahasa Melayu yang betul. Lebih tepat penggunaan emak, ibu, ayah dan bapa. Perkataan ‘mama’ dan ‘papa’ merupakan panggilan nama yang bukan formal yang digunakan dalam bahasa Melayu. Perkataan didapati tidak tepat digunakan dalam bahan bacaan yang digunakan kepada murid dalam pembelajaran kemahiran asas membaca bahasa Melayu.

Selain itu, terdapat bahan bacaan yang menggunakan kosa kata yang tidak sesuai kepada murid yang berumur empat hingga enam tahun (tahap prasekolah) seperti perkataan bodoh, hantu, penyepak dan syirik, manakala kosa kata kerap digunakan dalam beberapa bahan bacaan ialah bodoh dan hantu. Pemilihan perkataan ini sepatutnya bersesuaian dengan murid pada peringkat prasekolah dengan menggantikan perkataan yang baik dan sesuai dengan peringkat umur dan kefahaman mereka. Selain itu, didapati terdapat juga kesilapan penggunaan huruf pada awal ayat yang sepatutnya huruf besar tetapi dinyatakan dalam huruf kecil. Dapatan kajian ini juga menunjukkan pola ayat mudah dalam kebanyakan bahan hanya menumpukan kepada pola ayat seperti Frasa Nama + Frasa Nama dan Frasa Nama + Frasa Kerja. Kekurangan pola seperti Frasa Nama + Frasa Adjektif dan Frasa Nama + Frasa Sendi Nama. Hasil analisis kandungan bahan bacaan menunjukkan pola ayat kurang bervariasi dalam kebanyakan bahan bacaan. Ayat mudah dalam bahasa mempunyai empat pola yang sesuai didedahkan kepada murid untuk memperlihatkan kepelbagaian jenis ayat mudah semasa pembelajaran terutama dalam kemahiran

asas membaca bahasa Melayu.

C) Reka Bentuk Ilustrasi

Dapatan kajian berkaitan penggunaan reka bentuk ilustrasi menunjukkan berfungsi sebagai Ilustrasi Hiasan (IH) dan Ilustrasi Penjelasan Visual (IPV) antara menjadi pilihan digunakan dalam bahan bacaan. Ilustrasi Hiasan (IH) bertujuan untuk menarik perhatian murid agar suka kepada bahan bacaan membantu bahan digunakan semasa sesi pembelajaran. Selain itu, terdapat juga beberapa bahan menggunakan Ilustrasi Penjelasan Visual (IPV) dalam menjelaskan maksud gambar yang digunakan. Namun, bahan bacaan lebih banyak penggunaan berfokus kepada perkataan berbanding penggunaan ilustrasi kerana bagi mengelakkan murid lebih berfokus kepada makna gambar berbanding untuk membaca suku kata, perkataan, frasa dan ayat mudah dalam bahan bacaan. Penggunaan Ilustrasi Rangsangan (IR), antara yang tidak digunakan kerana (BB1, BB2, BB3 dan BB4) menunjukkan tidak mengandungi soalan atau arahan menggunakan ilustrasi semasa belajar membaca.

D) Fizikal Buku

Dapatan kajian menunjukkan bahan bacaan kebiasaannya bersaiz besar seperti bahan bacaan (BB3 & BB4) yang bersaiz A4 (21.0cm x 29.7cm), manakala bahan bacaan (BB1 & BB2) ialah saiznya lebih kecil dari saiz A4. Bagi bentuk bahan bacaan pula menunjukkan kesemuanya berbentuk *potrait*, manakala tiada bahan bacaan yang dikaji berbentuk *landscape*. Hal ini menunjukkan semua bahan bacaan yang dikaji ialah berbentuk *potrait* yang merupakan format konvensional yakni lebih sesuai untuk murid gunakan untuk pembelajaran kemahiran asas membaca bahasa Melayu. Malah, saiz yang besar dapat memudahkan murid membaca teks yang terdiri daripada suku kata, perkataan, frasa dan ayat mudah berbanding buku yang kecil yang agak sukar untuk murid membaca kerana saiz teks yang lebih kecil. Secara tidak langsung, kelebihan buku bersaiz besar dapat memenuhi keperluan murid ketika belajar. Namun, konsep saiz buku yang lebih kecil pula dapat menjadikan buku mudah dibawa dan dibaca di mana-mana.

E) Persembahan

Dapatan kajian bagi persembahan semua bahan bacaan yang dikaji menunjukkan susun atur teks mengikut tahap bermula suku kata, perkataan, frasa dan ayat. Hal ini dapat membantu murid mengikuti kandungan dengan lancar. Namun, terdapat teks yang terlalu kecil bagi bahan bacaan (BB3) yang dilihat kurang sesuai kepada murid untuk membaca dan menulis (sebagai aktiviti pengukuhan). BB3 perlu membesarkan saiz teks agar mudah dibaca dan murid dapat melaksanakan aktiviti menulis dengan lebih berkesan dan praktikal. Walau bagaimanapun, bagi bahan bacaan lain (BB1, BB2 & BB4) menunjukkan pengguna saiz teks sesuai dan mudah untuk murid membaca. Pemilihan saiz teks seharusnya sesuai dengan keperluan murid untuk memudahkan mereka belajar membaca. Selain itu, terdapat bahan bacaan (BB2) yang tiada warna grafik kerana konsep bahannya hanya menggunakan warna hitam sahaja. Kesemua grafik dan tulisan dalam bahan bacaan tersebut menggunakan satu warna sahaja, iaitu warna hitam. Hal ini kurang menarik minat murid untuk belajar menggunakan bahan bacaan kerana warna selain hitam boleh mempengaruhi minat terutama kanak-kanak. BB1 dan BB4 menunjukkan mempunyai persembahan yang sesuai dengan keperluan murid.

F) Latihan dan Aktiviti

Antara aspek penting dalam bahan bacaan ialah latihan dan aktiviti. Dapatan kajian menunjukkan terdapat bahan bacaan (BB1) yang tiada elemen ini dengan hanya memfokuskan kepada pembelajaran kandungan bacaan semata-mata. Hal ini menyebabkan tiada tarikan kepada murid semasa sesi pembelajaran berlangsung. Malahan, bahan tidak membantu murid daripada aktiviti pengukuhan. Walau bagaimanapun, bahan bacaan (BB2, BB3 dan BB4) mempunyai kesemua elemen bagi latihan dan aktiviti. Namun, latihan dan aktiviti dalam bahan bacaan dilihat masih sedikit jumlahnya dan lebih penumpuan kepada kandungan bahan pembelajaran sedangkan elemen ini dapat membantu murid belajar dengan lebih berkesan sekiranya digunakan dalam bahan bacaan.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini adalah untuk menganalisis kandungan bahan bacaan untuk pembelajaran kemahiran asas membaca pada peringkat prasekolah, iaitu dengan menganalisis bahan bacaan yang dijadikan sumber dan sampel utama kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan bahan bacaan yang dianalisis mempunyai enam elemen dalam Model Analisis Kandungan, iaitu ketepatan kandungan; kesesuaian dan kejelasan bahasa; reka bentuk ilustrasi; fizikal buku; persembahan dan latihan dan aktiviti. Walau bagaimanapun, tiada satu bahan memenuhi semua elemen tersebut dengan lengkap. Kebanyakan bahan bacaan yang dikaji memenuhi elemen ketepatan kandungan tetapi masih ada aspek perlu diperbaiki dengan memastikan ketiadaan isi kandungan tercicir khususnya suku kata terbuka. Kajian oleh Singh et al (2020) mendapati bahawa penghasilan bahan yang baik kandungannya bukan hanya menarik perhatian dan mencungkil kemahiran baharu murid tetapi dapat memenuhi standard kandungan kurikulum terkini.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan BB1 menonjol pada elemen persembahan tetapi mempunyai kelemahan dalam aspek latihan dan aktiviti, manakala BB2 kurang baik dari segi aspek penggunaan bahasa yang sesuai. Bagi BB3 pula, didapati lebih kepada elemen reka bentuk dan persembahan. Berbeza pula dengan BB4 yang lebih kepada elemen persembahan dan aspek kesesuaian bahasa. Oleh itu, didapati setiap bahan bacaan mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri, yakni boleh diperbaiki pada bahan bacaan yang dihasilkan pada masa akan datang supaya bahan yang tersebut dapat memenuhi ciri bahan yang lebih tepat, berkesan dan praktikal kepada murid dalam mempelajari kemahiran asas membaca. Kemahiran asas membaca merupakan salah satu pembelajaran dalam subjek bahasa Melayu.

Oleh itu, kesesuaian bahasa daripada aspek bahasa yang tepat dan sesuai perlu diutamakan dalam pembangunan bahan bacaan. Hal ini demikian kerana kebanyakan penulis bahan bacaan lebih memberi tumpuan kepada kandungan kurikulum tetapi sering mengabaikan aspek penggunaan bahasa. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian menunjukkan aspek bahasa antara elemen yang tidak dipenuhi dengan baik oleh kebanyakan sampel bahan bacaan yang dianalisis. Kesedaran dalam memastikan penggunaan bahasa yang betul dan sesuai perlu diterapkan kepada semua penulis bahan pembelajaran untuk murid agar bahasa Melayu bukan sahaja digunakan dengan betul tetapi diangkat menjadi bahasa yang mempunyai nilai dalam pengajaran dan pembelajaran kepada murid terutama pada peringkat prasekolah lagi.

Selain itu, bahan bacaan yang menitikberatkan reka bentuk ilustrasi dengan melihat fungsinya memberikan tarikan dan kefahaman kepada murid. Reka bentuk ilustrasi diaplikasikan dengan melihat sama ada fungsinya untuk hiasan, penjelasan visual atau rangsangan dalam bahan bacaan. Hal ini membantu penulis lebih berfokus dalam membuat pilihan reka bentuk ilustrasi dalam bahan bacaan kelak. Penggunaan ilustrasi lebih bermatlamat dan berobjektif menjadikan bahan lebih berimpak kepada pembelajaran murid. Hal ini disokong dengan Aisah Noh dan Roslinda Rosli (2020) menyatakan ilustrasi berbentuk rangsangan yang memberi galakan dan motivasi kepada murid.

Tambahan pula, pemilihan fizikal dan persembahan bahan dapat memudahkan murid untuk menggunakannya, manakala latihan dan aktiviti pula menjadikan bahan lebih berkesan apabila menggunakan bahan bacaan tersebut. Mengikut Wan Mohammad Wan Muda (1998) menyatakan sebuah buku teks akan melalui empat fasa, iaitu (i) berkaitan kandungan menepati sukatan, (ii) bahasa yang betul dan mudah, (iii) grafik yang sesuai dan menarik minat murid (iv) aktiviti dan latihan barulah akan diluluskan untuk diedarkan bagi penggunaan buku tersebut. Hal ini membuktikan elemen yang didapati dalam kajian ini menunjukkan bahawa elemen yang ada merupakan elemen penting dalam menghasilkan bahan bacaan yang berkualiti kepada pembelajaran murid di sekolah. Jelas di sini, implikasi kajian ini secara tidak langsung membantu para guru memilih bahan bacaan berdasarkan enam elemen yang dinyatakan dalam kajian ini bukan semata-mata guru tertarik dengan reka bentuk bahan bacaan di pasaran semata-mata. Perkara lebih penting ialah guru mempunyai ilmu pengetahuan untuk mengetahui ciri-ciri bahan yang membantu mereka dalam menggunakannya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, analisis kandungan ini dapat menunjukkan kepentingan enam elemen dalam penghasilan sebuah bahan bacaan yang dapat membantu menjadikan bahan tersebut berkualiti. Walau bagaimanapun, dapatan daripada analisis berkaitan kekurangan elemen yang diguna pakai pula dapat dijadikan panduan dalam memperbaiki bahan bacaan yang dihasilkan pada masa akan datang. Hal ini demikian kerana ketiadaan garis panduan yang untuk penulis bahan bacaan membuat rujukan semasa menghasilkan bahan. Malah, kebanyakan penulis bahan lebih banyak menumpukan hanya kepada elemen kandungan bahan dengan merujuk kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) tetapi kurang menumpukan kepada elemen lain seperti aspek bahasa, persembahan, reka bentuk, saiz fizikal serta aktiviti dan latihan dalam bahan.

Penggabungan enam elemen ini terbukti membantu dalam menghasilkan bahan berkualiti dan praktikal. Malahan, elemen yang dianalisis dapat memudahkan juga guru bagi menilai bahan bacaan yang dipilih untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Penggunaan bahan yang berkualiti akan membantu murid dalam menguasai pembelajaran dengan baik terutama dalam kemahiran asas membaca bahasa Melayu pada peringkat prasekolah yang amat membimbangkan ketika ini apabila terlalu ramai murid di sekolah rendah masih tidak boleh menguasai bacaan dengan baik. Oleh itu, kajian lanjutan yang sesuai ialah kajian pembangunan modul asas membaca bahasa Melayu yang dapat mengaplikasikan enam elemen dalam modul yang dibangunkan.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim & Shamsudin Othman. (2012). Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid PROBIM. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 46-53.
- Adenan Ayob. (2018). Pedagogy and multimedia intergration system model for writing. *Internasional Journal of Management and Business Research*, 8(2), 181-188.
- Aisah Noh & Roslinda Rosli. (2020). Kandungan ilustrasi pecahan di dalam buku teks matematik tahun 5 KSSR. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 231-236.
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. (2016). Pembangunan dan kebolegunaan modul berasaskan bermain bagi pembelajaran kemahiran Bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 16-29.
- Arulmozhi Narayanasamy & Anis Norma Mohamad Jaafar. (2024). Evaluasi keberkesanan modul pengajaran kemahiran membaca bahasa Melayu dalam pendidikan prasekolah. *International Journal of Future Education and Advances (IJFEA)*, 1(1), 265-273.
- Ayunda Sayyidatul Ifadah & Umi Masturoh. (2024). Analisis buku saat kegiatan metode read aloud. *Journal of Islamic Education for Early Childhood* (JIEEC), 6(1), 1-8. <http://dx.doi.org/10.30587/jieec.v6i1.6924>.
- Bahagian Buku Teks KPM. (2002). *Panduan penulisan buku teks KBSM kegunaan mulai 2004: Bahasa Arab tinggi*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bernama. (2024, September 9). 122, 062 murid tahun satu ikuti program intervensi literasi dan numerasi. *BERNAMA*. <https://www.bernama.com/bm/am/news.php/news.php?id=2338420>.
- Creswell, J. W. (2009). Mapping the field of mixed methods research. *Journal of Mixed Methods Research*, 3(2), 95-108. <https://psycnet.apa.org/doi/10.1177/1558689808330883>.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research methods in education*. Routledge.
- Habibah @ Artini Ramlie, Norshahrul Marzuki Mohd Nor, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad & Saifulazry Mokhtar. (2020). Analisis kandungan kemahiran bahasa Melayu dalam kurikulum prasekolah di Malaysia. *PENDETA Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 11(1), 46-67.
- Hanifah Sabin, Vincent Pang & Muhammad Idris Bullare@Bahari. (2019). Modul membaca awal prasekolah menggunakan nyanyian berasaskan teori psikolinguistik kognitif dan aplikasi kaedah belajar melalui bermain. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 45-58. <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2019-44.01>
- Hamed Mohd Adnan. (2007). *Mencari ciri-ciri buku teks terbaik*. Prosiding Kolokium Buku Teks: Aspek Teknikal Penerbitan. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hayati Baharudin & Abdul Halim Masnan. (2022). *Children's reading game module using android technology applications*. Nova Science Publisher.
- Hoven, J., & Garelick, B. (2007). Singapore math: Simple or complex? *Educational Leadership*, 65(3), 28-3.

- Mahzan Arshad & Chee S. C. (2018). Penilaian semula pengajaran dan pembelajaran dalam pembacaan awal: Revaluation of teaching and learning in early skills reading. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 6, 79-86. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol6.sp.6>.
- Marmi Mariana Zakaria & Dahlia Janan. (2022). Penggunaan buku teks dan penerimaan ilustrasi dalam kalangan guru dan murid: Pendekatan kualitatif dan kuantitatif. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 12(1), 80–98. <https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol12.1.6>.
- Mizan Kamalina Assin. (2013). Amalan penggunaan modul pengajaran interaktif berasaskan Modul Multimedia Interaktif (MMI) dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional. Tesis sarjana tidak diterbitkan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohammad Rahim Mohammed Abdul Rahman. (2000). *Persepsi guru terhadap buku teks Pendidikan Islam KBSR*. Tesis tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Norlela Ahmad & Shamsudin Othman (2020). Penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training*, 6(2), 1-11.
- Nur Afifah Azhar & Roslinda Rosli. (2021). Analisis kandungan topik tambah dan tolak dalam buku teks matematik tahap 1 sekolah kebangsaan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 394-405.
- Nurul Mardhati Salahuddin & Roslinda Rosli. (2023). Analisis kandungan topik ruang bagi mata pelajaran matematik tahun empat sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 13(1), 31-51. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol13.1.4.2023>.
- Roslin Francis & Adenan Ayob. (2019). Pembangunan modul baca-tulis digital bahasa Melayu untuk murid-murid prasekolah dengan pendekatan model ADDIE. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia (JPHUM)*, 2(2), 20-40.
- Singh, P. S. A., Yusoff, N. M., & Teoh, S.H. (2020). Content analysis of primary school mathematics textbooks and its relationship with pupils achievement. *Asian Journal of University Education (AJUE)*, 16(2), 15 - 25. <https://doi.org/10.24191/ajue.v16i2.10286>
- Thang Yin Fong. (2022). *Pembangunan dan penilaian modul bacaan awal menggunakan kaedah fonik Bahasa Melayu di prasekolah aliran Cina*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tuzana Mohamad. (2014). *Keberkesanan modul bacaan bergred bagi membantu murid linus tegar dalam kemahiran membaca KVKV*. [Tesis]. Universiti Sains Malaysia.
- Wan Mohamad Wan Muda. (1998). *Seminar penulisan dan penilaian buku-buku teks*. Biro Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Yulianeta, Vismaia S. Damaianti, Dewi Prajnaparamitha Amandangi & Inggri Dwi Rahesi. (2020). Read aloud training module: Research and development to improve literacy. *4th International Conference on Language, Literature, Culture, and Education (ICOLLITE 2020)*. 509, 823-829.
- Zaharah Hussin. (2008). *Pembinaan kandungan kurikulum pendidikan akhlak untuk latihan perguruan Pendidikan Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.